QURANICA, International Journal of Quranic Research,
Special Issue. 16, October 2026, pp. 126-168
© 2026 Centre of Quranic Research (CQR),
University of Malaya, Malaysia

KERANGKA PEDAGOGI PENGAJARAN TARANUM UNTUK INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI BERASASKAN KESEPAKATAN PAKAR(*)

(A Pedagogical Framework for Teaching Taranum in Higher Education Institutions Based on Expert Consensus)

Muhamad Nasir Mohamad Salleh[1], Mahyudin Daud[2], Mohd Zaini Zakaria[3], Muhammad Talhah Ajmain[4], Farah Ilyani Zakaria[5]

ABSTRACT

Taranum teaching in Higher Education Institutions (HEIs) requires a systematic pedagogical approach to effectively balance theoretical instruction and practical training. Current taranum teaching practices generally rely on the individual experience and expertise of lecturers, resulting in variations in teaching strategies, approaches, methods, and techniques. Therefore, this study aims to develop a foundational pedagogical framework for taranum teaching in HEIs based on expert

(*) This article was submitted on: 30/07/2026 and accepted for publication on: 26/10/2026.

1 Pensyarah kanan (Dr.), Akademi Pengajian Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM). (Corresponding Author)
Emel: nasir1990@um.edu.my

2 Pensyarah kanan (Dr.), Akademi Pengajian Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM).
Emel: muhyi@um.edu.my

3 Pensyarah kanan (Dr.),Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
Emel: zaini@usim.edu.my

4 Pensyarah kanan (Dr.), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
Emel: muhammadtalhah.j@utm.my

5 Pensyarah (Dr.), Unit al-Quran dan al-Sunnah, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, IPG Kampus Pendidikan Islam, Bangi
Emel: zfarahilyani@yahoo.com

consensus. The study employed a quantitative research design using the *Fuzzy Delphi Method* (FDM). Data analysis through the *Fuzzy Delphi Method* emphasized two key procedures to ensure data accuracy, namely the *Triangular Fuzzy Number* process and the *Defuzzification process*. These validation procedures were conducted to obtain expert consensus on the proposed items. The findings indicate that both the pedagogical elements and their respective contents achieved expert consensus, resulting in four principal components comprising teaching strategies, approaches, methods, and techniques for taranum instruction. This study contributes a specialized pedagogical framework that integrates the principles of Quranic education, instructional theory, and expertise in the field of taranum. The proposed framework has the potential to serve as an alternative reference for strengthening the quality of taranum teaching, supporting the development of instructional modules, and enhancing the taranum curriculum in the future.

Keywords: *Quranic Taranum, pedagogical taranum, Higher Education Institutions, Fuzzy Delphi Method, Quranic skill*

ABSTRAK

Pengajaran taranum di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) memerlukan pendekatan pedagogi yang sistematik bagi mengimbangi penyampaian teori dan latihan praktikal secara berkesan. Amalan pengajaran taranum semasa umumnya bergantung kepada pengalaman serta kepakaran individu pensyarah sehingga menyebabkan variasi dari aspek strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran. Justeru, kajian ini bertujuan membangunkan kerangka asas pedagogi pengajaran taranum bagi IPT berasaskan kesepakatan pakar. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif menerusi kaedah *fuzzy delphi*. Analisis data menerusi kaedah *fuzzy delphi* menitikberatkan dua perkara bagi menjamin ketepatan data iaitu proses *Triangular Fuzzy Number* dan proses *Defuzzification Process*. Proses pengesahan tersebut dilaksanakan bagi mendapatkan konsensus pakar terhadap item-item yang dibangunkan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa elemen dan kandungan elemen mencapai kesepakatan pakar menerusi 4 komponen utama merangkumi strategi,

pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran taranum. Kajian ini menyumbang satu kerangka pedagogi khusus yang mengintegrasikan prinsip pengajaran al-Quran, teori instruksional dan kepakaran bidang taranum. Kerangka ini berpotensi menjadi alternatif rujukan dalam memperkukuhkan kualiti pengajaran taranum, menyokong pembangunan modul serta penambahbaikan kurikulum taranum pada masa hadapan.

Kata Kunci: *Taranum Al-Quran, Pedagogi Taranum, Institusi Pengajian Tinggi, Fuzzy Delphi, Kemahiran Al-Quran*

1. PENGENALAN

Pengajaran taranum di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) memerlukan pendekatan pedagogi yang sistematik bagi mengimbangi penyampaian teori dan latihan praktikal secara berkesan. Tidak seperti pembelajaran teori semata-mata, penguasaan taranum merupakan latihan kemahiran yang menuntut bimbingan berterusan, latihan berstruktur, dan strategi pedagogi yang adaptif dengan keupayaan mahasiswa (Muhammad Adam Choo Rahmat Choo & Abdul Rahman Abdul Ghani, 2026). Kompetensi pensyarah dalam merancang dan melaksanakan pengajaran berkualiti menjadi pemacu utama bagi membantu mahasiswa memahami konsep, menghayati seni bacaan, serta mengaplikasikan bacaan taranum secara tepat. Hal ini selari dengan literatur pendidikan tinggi yang membuktikan bahawa amalan pedagogi pensyarah mempunyai hubungan signifikan dengan pencapaian akademik mahasiswa (Ayu Syahyuni Kamarul Zaini et al., 2025; Hartati Maskur, Roshila Abdul Mutalib & Norazlina Abdullah, 2020). Justeru, pengajaran taranum yang berkesan tidak seharusnya mengehadkan proses interaksi kepada demonstrasi bacaan semata-mata, bahkan perlu menyepadukan perancangan rapi, kepelbagaian kaedah, pemanfaatan bahan sokongan, serta penilaian kemahiran yang holistik.

Walau bagaimanapun, pengajaran taranum di IPT masih berhadapan dengan beberapa cabaran yang menjejaskan keberkesanan penguasaan mahasiswa. Antara isu utama yang dikenal pasti ialah pendekatan pengajaran yang masih bergantung kepada pengalaman dan kemahiran individu pensyarah tanpa suatu panduan pedagogi yang jelas dan tersusun. Beberapa kajian menunjukkan bahawa mahasiswa masih menghadapi kesukaran dalam

menguasai kemahiran bacaan bertaranum, sekali gus menunjukkan keperluan terhadap kepelbagaian kaedah dan pendekatan pengajaran yang lebih sistematik (Muhamad Nasir Mohd Salleh et al., 2024; Farah Ilyani Zakaria et al., 2021; Saidah Haris @ Harith, 2018). Selain itu, penggunaan alat bantu mengajar (ABM) dan bahan bantu mengajar (BBM) dalam pengajaran taranum juga masih kurang diberi penekanan (Anuar Hasin et al., 2026), sedangkan penggunaan teknologi dan bahan sokongan pengajaran berupaya mewujudkan pengalaman pembelajaran yang lebih interaktif dan berkesan (Geoffrey F. C. Lim et al., 2024; Aninda Tri Safinatun Najah, 2024; Nur Faizahton Saidin et al., 2023). Keadaan ini menunjukkan bahawa pengajaran taranum memerlukan satu pendekatan pedagogi yang lebih tersusun dan bukan hanya bergantung kepada kaedah latih tubi atau penyampaian secara tradisional.

Permasalahan penguasaan kemahiran al-Quran dalam kalangan mahasiswa turut dipengaruhi oleh perbezaan tahap keupayaan asas sebelum memasuki institusi pengajian tinggi. Kajian menunjukkan sebahagian mahasiswa masih belum mencapai tahap penguasaan minimum dalam bacaan al-Quran, khususnya dari aspek ketepatan bacaan dan kemahiran asas terutamanya dalam bidang taranum. (Muhammad Adam Choo Rahmat Choo & Abdul Rahman Abdul Ghani, 2026; Muhammad Syafee Salihin Syafee et al., 2024; Kusumawati, 2019). Selain itu, ketidakselarasan bahan pembelajaran dengan tahap kemampuan pelajar turut memberi kesan terhadap keberkesanan penguasaan kemahiran al-Quran (Nurul Hamimi Awang Japilan et al., 2024; Ummi Hufaizah Abdul Hamid & Bity Salwana Alias, 2023). Dapatan ini memberikan gambaran bahawa usaha memperkukuhkan pedagogi pengajaran taranum perlu diberi perhatian, khususnya kerana sebahagian mahasiswa tersebut merupakan bakal pendidik yang akan menyampaikan kemahiran al-Quran kepada generasi seterusnya. Walaupun kajian Ahmad Junaidi Che Ariffin (2026); Ahmad Junaidi Che Ariffin (2025); Mohd Ariffin Salleh et al. (2010) membuktikan bahawa mahasiswa mampu meningkatkan penguasaan taranum melalui pendekatan pengajaran yang tersusun seperti kaedah *takrar* dan latihan pernafasan, keberkesanan tersebut bergantung kepada kewujudan strategi pedagogi yang dirancang secara sistematik (Achmad Yani et al., 2026; Muhammad Hazuman Zulkifli et al., 2025).

Berdasarkan permasalahan di atas, terdapat satu keperluan penyelidikan yang jelas iaitu merangka pedagogi pengajaran taranum yang dibangunkan untuk

konteks IPT dan disokong melalui kesepakatan pakar. Secara lebih khusus, kajian ini bertujuan mengenal pasti elemen komponen dan kandungannya bagi pengajaran taranum di IPT.

2. SOROTAN LITERATUR

Tradisi keilmuan Islam secara asasnya telah membentuk perkembangan pedagogi pengajaran al-Quran melalui pendekatan yang sistematik, berperingkat, dan berorientasikan pembentukan insan. Antara pelopor dalam bidang ini ialah al-Qabisi (1955) menerusi karyanya, *al-Risalah al-Mufassilah li Ahwal al-Muta'allimin wa Ahkam al-Mu'allimin wa al-Muta'allimin*. Pemikiran beliau menjadi asas penting dalam landskap pengajaran al-Quran kerana tidak sekadar membincangkan kandungan ilmu, malah merangkumi peranan guru, kaedah pengajaran, teknik pembelajaran, serta proses penilaian (al-Ahwani, 1955; Ahmad Khalid, 1986; al-Na'miy, 1994). Menerusi risalah kitab yang diketengahkan, al-Qabisi menegaskan bahawa matlamat utama pendidikan al-Quran adalah untuk mencapai kefahaman agama (*ma'rifat al-din*) dan pembentukan akhlak, di samping memastikan pelajar mampu menghafaz (*hifz*), memahami (*wa'iy*), serta membaca secara tartil (*istirja'*) (Mazhair Shahroz Muhasip, 2014; Paharudin Arbain, 2015; Azmil Hashim, 2010). Dalam konteks praktikal, al-Qabisi (1955) mengemukakan beberapa kaedah pengajaran yang kekal relevan sehingga kini, termasuklah *talqin*, *takrar*, *al-mail*, dan *al-fahm*. Kaedah *talqin* memberikan tumpuan kepada proses peniruan bacaan antara guru dengan pelajar, manakala *takrar* menekankan pengulangan konsisten demi penguasaan yang optimum. Selain itu, integrasi teknik pelbagai deria seperti melihat, mendengar, membaca, dan menulis yang membuktikan bahawa beliau telah mengiktiraf kepentingan pembelajaran multisensori dalam pengajian al-Quran (al-Ahwani, 1955). Struktur pedagogi ini disempurnakan lagi oleh komponen sokongan lain seperti penggunaan mushaf sebagai bahan rujukan utama, aktiviti halaqah, penilaian berkala, serta keperibadian guru itu sendiri (al-Ahwani, 1955; Mazhair Shahroz Muhasip, 2014; Paharudin Arbain, 2015).

Selain pemikiran al-Qabisi, pembelajaran bacaan al-Quran telah disentuh awal menerusi sumbangan al-Jazari (799H) melalui karya *Tayyibah al-Nasyr* yang menjadi rujukan utama dalam bidang qiraat dan asas bacaan al-Quran. Al-Jazari (799H) menegaskan bahawa kesempurnaan bacaan al-Quran

melibatkan gabungan beberapa elemen utama iaitu tajwid, *tahsin sawt* (keindahan suara), taranum dan lahjah Arab (Muhammad, 1994). Prinsip ini kemudiannya dikembangkan dalam konteks pengajaran taranum moden oleh Nik Jaafar Nik Ismail (1998) melalui *Qawaid Tarannum* yang menggariskan empat komponen utama bacaan al-Quran iaitu tajwid, *tahsin sawt*, taranum dan fasahah. Perkembangan ini menunjukkan bahawa pengajaran taranum bukan hanya melibatkan aspek seni suara semata-mata, tetapi merupakan suatu disiplin yang mengintegrasikan aspek teknikal, estetika dan kefahaman terhadap struktur bacaan al-Quran. Dari perspektif sejarah seni bacaan, taranum berkembang seiring dengan budaya masyarakat Arab yang mempunyai kecenderungan terhadap keindahan suara dan alunan. Setelah penurunan al-Quran, kecenderungan tersebut diarahkan kepada pembentukan seni bacaan al-Quran yang berteraskan keindahan dan penghayatan ayat (al-'Asqalani, 1414H). Walaupun bentuk taranum Rasulullah SAW tidak dapat didokumentasikan secara khusus kerana sifatnya yang bersandarkan pendengaran (*simai'e*) dan diwariskan secara lisan (Muhammad Lukman Ibrahim, 2009), perkembangan ilmu taranum terus berkembang melalui tokoh-tokoh selepasnya. Al-Fattani (1938) menjelaskan bahawa perkembangan sistem lagu Arab turut dipengaruhi oleh tokoh muzik seperti Ptolemy dan Ishaq bin Ibrahim al-Mawsili, sebelum berkembang kepada beberapa maqamat popular seperti Bayyati, Hijaz, Rast, Nahawand, Soba, Sikah, 'Ajam dan Jiharkah (al-Qabbani, 1998).

Dalam usaha membangunkan kerangka pedagogi pengajaran taranum, Model Pengajaran Asas Glaser (1962) melalui penekanannya terhadap empat komponen utama reka bentuk pengajaran iaitu objektif pengajaran, pengetahuan sedia ada pelajar, prosedur pengajaran dan penilaian. Model ini menegaskan bahawa keberkesanan pengajaran bergantung kepada keselarasan antara objektif, strategi penyampaian dan proses penilaian (Glaser, 1962). Perkembangan pedagogi pengajaran taranum memperlihatkan peralihan daripada pendekatan tradisional kepada pendekatan yang lebih fleksibel, interaktif dan berpusatkan mahasiswa. Dalam pendidikan tinggi, pengajaran perlu menggabungkan strategi berpusatkan guru dan pelajar. Pendekatan berpusatkan guru kekal penting dalam pengajaran kemahiran asas melalui demonstrasi teknik bacaan, struktur lagu serta istilah-istilah dalam taranum seperti *qit'ah*, *mahattah* dan *tabaqah* suara (Alya Amelia, 2026; Abd. Basir et al., 2024; Maria Chong Abdullah, Samsilah Roslan & Tajularipin Sulaiman, 2011).

Seiring tuntutan pendidikan abad ke-21, pendekatan berpusatkan pelajar pula menggalakkan komunikasi, kolaborasi, pemikiran kritis dan kreativiti, dengan pensyarah bertindak sebagai fasilitator dalam aktiviti pembelajaran aktif dan kendiri (Bernard Tahim Bael et al., 2021; Fakrijal Fakrijal, 2025; Naquiah Nahar et al., 2021; Mohamad Alwi Ab Rahman et al., 2021; Syamsulaini Sidek & Mashitoh Hashim, 2016). Selain strategi pengajaran, penggunaan bahan sokongan turut menjadi aspek penting dalam perkembangan pedagogi taranum. Perubahan teknologi pendidikan telah membuka ruang kepada penggunaan audio, video, aplikasi digital dan bahan multimedia bagi membantu mahasiswa mengenal pasti struktur lagu, kawalan suara dan bentuk persembahan taranum. Penggunaan ABM dan BBM dapat meningkatkan pengalaman pembelajaran dengan menghubungkan aspek teori dan praktikal secara lebih berkesan (Tjorven Stamer et al., 2026; Siti Fatihah Osman, 2023; Libau, C. M., & Ling, Y. L, 2020; Siti Fatimah Ahmad & Ab. Halim Tamuri, 2010). Walaupun teknologi moden semakin berkembang, penggunaan bahan tradisional seperti mushaf, papan tulis dan catatan masih mempunyai nilai pedagogi seperti yang ditekankan oleh al-Qabisi (1955).

Dari aspek pendekatan pengajaran, pelaksanaan taranum memerlukan variasi pendekatan berdasarkan tahap penguasaan mahasiswa. Pendekatan individu membolehkan pensyarah mengenal pasti kelemahan dan potensi setiap mahasiswa secara lebih dekat (Siti Kausar Zakaria & Mohd Noor Daud, 2021), manakala pendekatan berkumpulan pula menggalakkan pembelajaran kolaboratif melalui perkongsian pengalaman dan sokongan rakan sebaya (Noor Muslieah Mustafa Kamal et al., 2022; Zanaton Iksan et al., 2021). Pendekatan audio-visual turut menunjukkan potensi besar dalam pengajaran taranum kerana kemahiran ini sangat bergantung kepada keupayaan mendengar dan meniru bunyi. Gabungan rangsangan visual dan auditori dapat membantu mahasiswa memahami bentuk alunan serta meningkatkan motivasi pembelajaran (Missiyah Missiyah, 2025; Rinda Tandiongan et al., 2025).

Dari sudut kaedah pengajaran, beberapa kaedah tradisional Islam masih menjadi asas utama dalam pengajaran taranum seperti *talaqqi mushafahah*, *takrar*, *tasmi'* dan *al-fahm*. Kaedah *talaqqi mushafahah* kekal relevan kerana ketepatan bacaan hanya dapat diperoleh melalui pemerhatian secara langsung terhadap guru serta pembetulan secara segera (Tengku Muhammad Amir Yusuf Abdullah et al., 2025; Muhammad Arsyad Suriansyah,

2020; Ashraf Ismail et al., 2019). Kaedah *takrar* pula membantu mahasiswa membina penguasaan melalui pengulangan berterusan sehingga mampu menghasilkan bacaan yang stabil (Wan Ahmad Zakry Wan Kamaruddin et al., 2021; Azmil Hashim & Fathiyah Mohd Fakhruddin et al., 2020). Sementara itu, kaedah *tasmi'* memberikan peluang kepada mahasiswa memperdengarkan bacaan untuk tujuan penilaian dan penambahbaikan (Muhammad Dhiauddin Ahmad Termizi et al., 2022). Dalam aspek teknik pengajaran, perkembangan pedagogi taranum turut memberi perhatian terhadap kemahiran khusus seperti teknik mendengar, teknik pernafasan, teknik penyesuaian suara, teknik alunan lagu, teknik graf dan teknik perbincangan. Hal ini menunjukkan bahawa pedagogi taranum memerlukan gabungan aspek kognitif, psikomotor dan afektif yang tersusun dalam satu kerangka pengajaran yang komprehensif.

Sorotan literatur menunjukkan bahawa penyelidikan terdahulu mengenai taranum sebahagian besarnya tertumpu pada aspek penguasaan mahasiswa serta keberkesanan kaedah dan teknik pengajaran tertentu (Mohd Shahidan Ramli et al., 2025). Dalam skop pencapaian pula, beberapa kajian mendedahkan bahawa tahap penguasaan taranum dalam kalangan mahasiswa masih berada pada paras sederhana (Hapini Awang et al, 2022; Haslizatul Mohamed Hanum et al., 2021; Zulkifli Abd Mubi et al., 2024). Jurang ini dilaporkan berpunca daripada pendekatan pengajaran yang kurang menarik serta kepelbagaian aktiviti yang terhad semasa proses pembelajaran berlangsung (Hapini Awang et al., 2022; Haslizatul Mohamed Hanum et al., 2021; Zulkifli Abd Mubi et al., 2024; Nuruliza Zainadun et al., 2025). Meskipun isu penguasaan dan kelemahan kaedah ini telah dikenal pasti, penyelidikan yang memfokuskan kepada pembangunan kerangka pedagogi taranum secara holistik yang menyatukan aspek strategi, pendekatan, kaedah, teknik, dan penilaian berasaskan kesepakatan pakar masih lagi terhad, khususnya dalam konteks Institusi Pengajian Tinggi (IPT Jurang penyelidikan ini menjasi asas yang mendasari keperluan terhadap kajian ini. Oleh itu, terdapat keperluan untuk membangunkan kerangka pedagogi yang berasaskan teori pendidikan Islam dan model pengajaran moden serta disahkan oleh pakar bagi menyediakan panduan pengajaran taranum yang lebih sistematik, konsisten dan relevan dengan keperluan pendidikan tinggi.

3. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif melalui kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM), iaitu pendekatan yang menggabungkan teknik Delphi dengan teori set *fuzzy* untuk memperoleh konsensus pakar (Murray, Pipino & Gigch, 1985; Saedah Siraj et al., 2020). Seramai 12 orang pakar dipilih secara persampelan bertujuan berdasarkan kriteria pengetahuan dan kemahiran bidang, pengalaman profesional, kelayakan akademik, pengiktirafan kepakaran serta kesediaan menyertai kajian. Panel pakar terdiri daripada tiga orang pakar taranum dalam kalangan pensyarah, tiga orang pengamal taranum, tiga orang pakar pedagogi dan tiga orang pakar penggubalan kurikulum taranum. Mereka mempunyai pengalaman profesional antara lima hingga sekurang-kurangnya 20 tahun dalam bidang masing-masing, merangkumi pengajaran di institusi pengajian tinggi dan sekolah, pengamalan serta penghakiman tilawah al-Quran, penyelidikan pendidikan Islam dan pembangunan kurikulum. Kelayakan akademik panel merangkumi peringkat sarjana hingga doktor falsafah, di samping pengalaman dan sumbangan profesional yang relevan dengan kepakaran masing-masing. Pemilihan 12 orang pakar dianggap bersesuaian kerana panel tersebut merangkumi kepakaran yang saling melengkapi untuk menilai elemen kerangka pedagogi yang dibangunkan. Saiz panel ini juga menepati saranan Adler dan Ziglio (1996), yang mencadangkan 10 hingga 15 orang pakar bagi kumpulan *homogen*. Sebelum pelaksanaan FDM, instrumen disemak dari segi bahasa dan kandungan oleh enam orang pakar dalam bidang taranum, pedagogi dan psikometrik. Data penilaian panel dianalisis menggunakan *Triangular Fuzzy Number* dan proses *defuzzification* bagi menentukan tahap konsensus pakar terhadap elemen kerangka yang dicadangkan. Penggunaan *fuzzy delphi* bersesuaian dalam konteks kajian ini kerana pembangunan kerangka pedagogi memerlukan pandangan kolektif daripada pakar yang mempunyai kepakaran dalam bidang taranum, pedagogi pendidikan Islam dan pembangunan kurikulum.

4. DAPATAN KAJIAN & PERBINCANGAN

4.1 Dapatan Kajian

4.1.1 Dapatan Pengesahan Elemen dalam Komponen Strategi, Pendekatan, Kaedah dan Teknik Pengajaran Taranum

Dapatan analisis kesepakatan pakar terhadap elemen dalam empat komponen strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran taranum diringkaskan dalam Jadual 1. Nilai yang dipaparkan bagi komponen-komponen ini menunjukkan peratus kesepakatan pakar dan skor fuzzy yang melepasi ambang yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, keputusan penerimaan pada peringkat komponen tidak dengan sendirinya membuktikan bahawa setiap kandungan item di bawah komponen tersebut memenuhi semua kriteria. Oleh itu, keputusan item perlu dibaca bersama nilai threshold, peratus kesepakatan dan skor fuzzy masing-masing.

Jadual 1

Elemen dalam Komponen Strategi, Pendekatan, Kaedah dan Teknik Pengajaran Taranum

No. Item	**Elemen**	***Triangular Fuzzy Numbers***		***Defuzzification Process***			
		(d) ≤ 0.2	**≥ 75.0%**	**m1**	**m2**	**m3**	**α – cut ≥ 0.5**
Strategi Pengajaran:							
SP1	Strategi Berpusatkan Guru	0.042	100.0	0.867	0.983	1.000	0.950
SP2	Strategi Berpusatkan Pelajar	0.122	83.3	0.800	0.933	0.983	0.906
SP3	Strategi Berpusatkan Bahan	0.147	100.0	0.767	0.908	0.975	0.883
Pendekatan Pengajaran:							

PP1	Pendekatan Kumpulan	0.097	100.0	0.783	0.933	0.992	0.903
PP2	Pendekatan Individu	0.128	91.7	0.800	0.933	0.975	0.903
PP3	Pendekatan Deduktif	0.095	91.7	0.817	0.950	0.992	0.919
PP4	Pendekatan Induktif	0.095	91.67	0.817	0.950	0.992	0.919
PP5	Pendekatan Audio-Visual	0.129	91.67	0.783	0.925	0.975	0.894
PP6	Pendekatan Pengajaran Berbalik	0.097	100.0	0.783	0.933	0.992	0.903
Kaedah Pengajaran:							
KP1	*Al-Fahm* (Kefahaman)	0.122	100.0	0.783	0.925	0.983	0.897
KP2	*Talaqqi Mushafahah*	0.042	100.0	0.867	0.983	1.000	0.950
KP3	*Takrar*	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942
KP4	*Tasmi'*	0.042	100.0	0.867	0.983	1.000	0.950
Teknik Pengajaran:							
TP1	Teknik Mendengar	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942
TP2	Teknik Beransur-ansur	0.087	91.7	0.833	0.958	0.992	0.928
TP3	Teknik Pernafasan	0.122	100.0	0.783	0.925	0.983	0.897
TP4	Teknik Alunan Lagu	0.068	100.0	0.833	0.967	1.000	0.933
TP5	Teknik Penyesuaian Suara	0.068	100.0	0.833	0.967	1.000	0.933
TP6	Teknik Mengingat	0.068	100.0	0.833	0.967	1.000	0.933
TP7	Teknik Lukisan Graf	0.128	91.7	0.800	0.933	0.975	0.903

TP8	Teknik *Basmalah* Berirama	0.192	83.3	0.750	0.883	0.933	0.856
TP9	Teknik Perbincangan	0.175	91.7	0.733	0.875	0.942	0.850

***Syarat**

1) Nilai Threshold (d) ≤ 0.2

2) Peratus Kesepakatan Pakar ≥ 75.0%

3)Skor *Fuzzy* (A) ≥ nilai α – cut = 0.5

4.1.2 Dapatan Pengesahan Kandungan Elemen dalam Komponen Strategi Pengajaran

Jadual 2 merumuskan dapatan pengesahan kandungan bagi tiga strategi pengajaran, iaitu strategi berpusatkan guru, strategi berpusatkan pelajar dan strategi berpusatkan bahan. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan tahap kesepakatan pakar yang tinggi, dengan peratus kesepakatan melebihi 75% dan skor *fuzzy* melebihi nilai α-*cut* 0.5. Bagi strategi berpusatkan guru, dua item mencatatkan nilai *threshold* melebihi kriteria (d) ≤ 0.2), iaitu 0.298 dan 0.218. Kedua-dua item dikekalkan kerana penilaian keseluruhan menunjukkan kesepakatan panel pakar sebanyak 86.7%, nilai purata *threshold* keseluruhan sebanyak 0.166 dan skor *fuzzy* bagi kedua-dua item masing-masing melebihi nilai minimum 0.5. Pertimbangan ini menunjukkan bahawa kedua-dua item masih memperoleh sokongan yang mencukupi berdasarkan petunjuk kesepakatan keseluruhan yang dilaporkan. Walau bagaimanapun, keputusan mengekalkan item tersebut tidak bermaksud kedua-duanya memenuhi kriteria *threshold* pada peringkat item. Oleh itu, penerimaan kedua-dua item perlu difahami berdasarkan pertimbangan keseluruhan dapatan, dengan mengambil kira perbezaan antara keputusan penerimaan yang dilaporkan dengan pematuhan setiap kriteria secara individu.

Jadual 2

Dapatan Akhir Kandungan Elemen 'Strategi Pengajaran"

Bil	Item / Elemen	*Triangular Fuzzy Numbers*		*Defuzzification Process*			
		(d) ≤ 0.2	**≥ 75.0%**	**m1**	**m2**	**m3**	**α – cut ≥ 0.5**
Strategi Berpusatkan Guru							
1.	Pensyarah mendominasi keseluruhan aktiviti pengajaran taranum	0.298	75.0	0.683	0.825	0.900	0.803
2.	Pensyarah memastikan mahasiswa mendengar pengajaran yang disampaikan	0.098	91.7	0.800	0.942	0.992	0.911
3.	Pensyarah memastikan mahasiswa menuruti pengajaran pensyarah	0.098	91.7	0.800	0.942	0.992	0.911
4.	Pensyarah menyampaikan maklumat yang sukar dicapai oleh mahasiswa	0.218	91.7	0.750	0.883	0.942	0.858
5.	Pensyarah memainkan peranan sebagai penilai utama	0.117	83.3	0.817	0.942	0.983	0.914

Strategi Berpusatkan Pelajar							
6.	Pensyarah berperanan sebagai fasilitator dalam keterlibatan mahasiswa	0.042	100.0	0.867	0.983	1.000	0.950
7.	Mahasiswa berperanan aktif sepanjang proses pengajaran taranum	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942
8.	Mahasiswa mengurus masa yang diberikan dengan bimbingan pensyarah	0.095	91.7	0.817	0.950	0.992	0.919
9.	Mahasiswa mengumpul maklumat secara kendiri dengan bimbingan pensyarah	0.042	100.0	0.867	0.983	1.000	0.950
10.	Mahasiswa mensintesis maklumat yang diperoleh dengan bimbingan pensyarah	0.042	100.0	0.867	0.983	1.000	0.950
11.	Mahasiswa terlibat dalam proses penilaian bacaan bertaranum	0.156	91.67	0.783	0.917	0.967	0.889
Strategi Berpusatkan Bahan							
12.	Pensyarah mengguna pakai ABM/BBM bagi	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942

	menarik minat mahasiswa belajar						
13.	Pensyarah mengguna pakai ABM/BBM bagi kandungan taranum yang kompleks	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942
14.	Pensyarah berinteraksi secara dua hala dengan mahasiswa menggunakan media sosial jaringan internet	0.087	91.7	0.833	0.958	0.992	0.928
15.	Mahasiswa perlu menggunakan ABM/BBM yang bersesuaian ketika pembentangan	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942

***Syarat**

1) Nilai Threshold (d) ≤ 0.2

2) Peratus Kesepakatan Pakar ≥ 75.0%

3)Skor *Fuzzy* (A) ≥ nilai α – cut = 0.5

Rajah 1

Aspek Strategi Pengajaran Taranum untuk Institusi Pengajian Tinggi

4.1.3 Dapatan Pengesahan Kandungan Elemen dalam Komponen Pendekatan Pengajaran Taranum

Jadual 3 merumuskan enam pendekatan pengajaran yang dicadangkan iaitu pendekatan kumpulan, individu, deduktif, induktif, audio-visual dan pengajaran berbalik (*Flipped Classroom*). Pendekatan-pendekatan ini menyediakan pilihan pedagogi yang boleh disesuaikan dengan objektif pembelajaran, kandungan pengajaran dan tahap penguasaan mahasiswa. Dapatan pengesahan pakar menunjukkan bahawa item-item yang dinilai secara umumnya mencapai kriteria kesepakatan yang ditetapkan, dengan peratus kesepakatan melebihi 75% dan skor *fuzzy* melebihi nilai α*-cut* 0.5. Bagi pendekatan individu, item "Membimbing mahasiswa yang lemah pada satu-satu masa tertentu" mencatatkan nilai purata *threshold*sebanyak 0.201, sedikit melebihi kriteria (d) ≤ 0.2). Meskipun demikian, item tersebut dikekalkan dalam senarai akhir kerana peratus kesepakatan pakar mencapai 91.7% dan skor *fuzzy* ialah 0.881, melepasi nilai minimum yang ditetapkan. Keputusan ini menunjukkan bahawa item tersebut memperoleh sokongan majoriti panel pakar berdasarkan kedua-dua petunjuk berkenaan, walaupun nilai *threshold*-nya sedikit melebihi had yang ditetapkan. Oleh itu, penerimaan item ini perlu difahami berdasarkan pertimbangan kesepakatan pakar dan skor *fuzzy*, dengan mengambil kira bahawa kriteria *threshold* pada peringkat item tidak dipenuhi sepenuhnya.

Jadual 3

Dapatan Akhir Kandungan Elemen "Pendekatan Pengajaran"

Bil	Item / Elemen	*Triangular Fuzzy Numbers*		*Defuzzification Process*			
		(d) ≤ 0.2	**≥ 75.0%**	**m1**	**m2**	**m3**	**α – cut ≥ 0.5**
Pendekatan Kumpulan							
1.	Membahagikan kumpulan kepada tiga hingga empat orang ahli	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942
2.	Membahagikan kumpulan dalam bentuk heterogen (pelbagai aras)	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942
3.	Memastikan mahasiswa melaksanakan aktiviti secara berpasukan	0.068	100.0	0.833	0.967	1.000	0.933
4.	Sentiasa memperbaiki kelemahan yang terdapat dalam sesebuah kumpulan	0.098	91.7	0.800	0.942	0.992	0.911
Pendekatan Individu							
5.	Mengenal pasti aras kreativiti mahasiswa yang berbeza	0.068	100.0	0.833	0.967	1.000	0.933
6.	Berusaha mengembangkan potensi mahasiswa	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942

7.	Membimbing mahasiswa yang lemah pada satu-satu masa tertentu.	0.201	91.7	0.792	0.908	0.942	0.881
8.	Mengenal pasti sebarang perubahan pada diri mahasiswa	0.165	91.7	0.783	0.917	0.958	0.886
Pendekatan Deduktif							
9.	Mengenal pasti masalah dari topik yang diajarkan	0.042	100.0	0.867	0.983	1.000	0.950
10.	Mengemukakan contoh yang sesuai	0.042	100.0	0.867	0.983	1.000	0.950
11.	Membimbing mahasiswa mengaitkan peraturan yang berkaitan	0.042	100.0	0.867	0.983	1.000	0.950
12.	Membimbing mahasiswa menyelesaikan masalah	0.042	100.0	0.867	0.983	1.000	0.950
Pendekatan Induktif							
13.	Menyediakan contoh yang menyeluruh	0.087	91.7	0.833	0.958	0.992	0.928
14	Melakukan sesi penyoalan secara berulang kali	0.087	91.7	0.833	0.958	0.992	0.928
15.	Memastikan deria mahasiswa digunakan secara maksimum sepanjang pengajaran	0.124	91.7	0.817	0.942	0.975	0.911

16.	Membimbing mahasiswa membuat generalisasi dari contoh yang diberikan	0.087	91.7	0.833	0.958	0.992	0.928
Pendekatan Audio-Visual							
17.	Menggunakan bahan audio-visual untuk kemajuan kognitif mahasiswa	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942
18.	Menggunakan bahan audio-visual bagi mengekalkan tumpuan mahasiswa	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942
19.	Memastikan kandungan bahan audio-visual yang bersesuaian dengan kemampuan mahasiswa	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942
20.	Memastikan durasi bahan audio-visual bersesuaian dengan masa pengajaran	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942
21.	Melatih mahasiswa belajar untuk membuat rumusan daripada bahan audio-visual yang ditunjukkan	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942
Pendekatan Pengajaran Berbalik							

22.	Memastikan mahasiswa menyemak nota yang telah dibekalkan awal	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942
23.	Memastikan mahasiswa merujuk video bacaan yang dibekalkan	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942
24.	Memantau perbincangan mahasiswa	0.068	100.0	0.833	0.967	1.000	0.933
25.	Membimbing mahasiswa menyelesaikan masalah	0.074	100.0	0.817	0.958	1.000	0.925

***Syarat**

1) Nilai Threshold (d) ≤ 0.2

2) Peratus Kesepakatan Pakar ≥ 75.0%

3)Skor *Fuzzy* (A) ≥ nilai α – cut = 0.5

Rajah 2

Aspek Pendekatan Pengajaran Taranum untuk Institusi Pengajian Tinggi

4.1.4 Dapatan Pengesahan Kandungan Elemen dalam Komponen Kaedah Pengajaran Taranum

Jadual 4 merumuskan dapatan pengesahan kandungan bagi empat elemen dalam komponen kaedah pengajaran taranum, iaitu *al-Fahm*, *Talaqqi Mushafahah*, *Takrar* dan *Tasmi'*. Penilaian elemen-elemen ini melibatkan nilai *threshold* (d), peratus kesepakatan pakar dan skor *fuzzy* bagi menentukan penerimaan kandungan yang dicadangkan. Secara keseluruhannya, semua elemen mencatatkan nilai purata *threshold* keseluruhan yang rendah, antara 0.042 hingga 0.089, manakala peratus kesepakatan pakar keseluruhan berada antara 93.8% hingga 100%. Skor *fuzzy* bagi item yang dinilai juga melebihi nilai minimum α*-cut* 0.5. Walaupun terdapat beberapa nilai *threshold* pada peringkat respons individu yang melebihi 0.2, nilai purata *threshold* bagi item-item berkenaan kekal di bawah had yang ditetapkan. Dapatan ini menunjukkan bahawa kandungan bagi keempat-empat elemen memperoleh kesepakatan pakar yang tinggi dan diterima untuk dimasukkan dalam komponen kaedah pengajaran taranum.

Jadual 4
Dapatan Akhir Kandungan Elemen "Kaedah Pengajaran"

Bil	Item / Elemen	*Triangular Fuzzy Numbers*		*Defuzzification Process*			
		(d) ≤ 0.2	**≥ 75.0%**	**m1**	**m2**	**m3**	**α – cut ≥ 0.5**
Al-Fahm							
1.	Membimbing mahasiswa dapat memahami isi kandungan pengajaran	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942
2.	Memaksimumkan kefahaman mahasiswa mengenal pasti jenis taranum	0.124	91.7	0.817	0.942	0.975	0.911
3.	Membimbing mahasiswa menyesuaikan alunan taranum dengan kehendak ayat	0.087	91.7	0.833	0.958	0.992	0.928
Talaqqi Mushafahah							
4.	Menguasai terlebih dahulu kemahiran bacaan al-Quran	0.042	100.0	0.867	0.983	1.000	0.950
2.	Mendemonstrasikan cara bacaan al-Quran bertaranum	0.042	100.0	0.867	0.983	1.000	0.950
5.	Memastikan mahasiswa mengikuti contoh bacaan melalui	0.042	100.0	0.867	0.983	1.000	0.950

	pergerakan bibir secara berhadapan						
6.	Melatih mahasiswa menyebut huruf al-Quran dengan tepat	0.042	100.0	0.867	0.983	1.000	0.950
Takrar							
7.	Memastikan mahasiswa mengulangi bacaan taranum yang diperbetulkan	0.057	100.0	0.864	1.400	1.000	1.088
8.	Memastikan mahasiswa mengulang-ulang bacaan sehingga mampu mengingat irama taranum	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942
9.	Menambah jumlah *takrar* pada taranum yang sukar	0.042	100.0	0.867	0.983	1.000	0.950
10.	Menambah jumlah *takrar* pada pelbagai ayat sesuatu jenis taranum	0.124	91.7	0.817	0.942	0.975	0.911
Tasmi'							
11.	Memastikan mahasiswa supaya men*tasmi'* bacaan bertaranum secara individu	0.042	100.0	0.867	0.983	1.000	0.950
12.	Memastikan mahasiswa supaya men*tasmi'* bacaan	0.122	100.0	0.800	0.933	0.983	0.906

	bertaranum secara beramai-beramai						
13	Memperbetulkan bacaan taranum mahasiswa semasa *tasmi'*	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942
14.	Memastikan mahasiswa dapat melakukan *tasmi'* sesama mereka	0.129	91.7	0.783	0.925	0.975	0.894

***Syarat

1) Nilai Threshold (d) ≤ 0.2

2) Peratus Kesepakatan Pakar ≥ 75.0%

3)Skor *Fuzzy* (A) ≥ nilai α – cut = 0.5

Rajah 3

Aspek Kaedah Pengajaran Taranum untuk Institusi Pengajian Tinggi

4.1.5 Dapatan Pengesahan Kandungan Elemen dalam Komponen Teknik Pengajaran Taranum

Jadual 5 merumuskan dapatan pengesahan kandungan bagi sembilan elemen dalam komponen teknik pengajaran taranum, iaitu teknik mendengar, teknik beransur-ansur, teknik pernafasan, teknik alunan lagu, teknik penyesuaian suara, teknik mengingat, teknik lukisan graf, teknik basmalah berirama dan teknik perbincangan. Pengesahan kandungan dilaksanakan berdasarkan nilai purata threshold (d) bagi setiap item, nilai purata threshold keseluruhan item, peratus kesepakatan pakar dan skor fuzzy. Secara keseluruhannya, nilai purata threshold bagi setiap item berada dalam julat 0.042 hingga 0.191, manakala nilai purata threshold keseluruhan bagi setiap elemen berada dalam julat 0.042 hingga 0.166, iaitu tidak melebihi had yang ditetapkan, (d) ≤ 0.2). Peratus kesepakatan pakar bagi setiap item juga mencapai sekurang-kurangnya 83.3%, sementara skor fuzzy berada antara 0.881 hingga 0.950, melebihi nilai minimum α-cut sebanyak 0.5. Walaupun terdapat beberapa respons pakar individu yang melebihi nilai threshold 0.2, nilai purata item yang berkaitan masih memenuhi kriteria yang ditetapkan. Dapatan ini menunjukkan bahawa kesemua sembilan elemen memperoleh kesepakatan pakar yang mencukupi berdasarkan kriteria penilaian yang digunakan. Oleh itu, semua elemen tersebut diterima untuk dimasukkan dalam komponen teknik pengajaran taranum.

Jadual 5

Dapatan Akhir Kandungan Elemen "Teknik Pengajaran"

Bil	**Item / Elemen**	***Triangular Fuzzy Numbers***		***Defuzzification Process***			
		(d) ≤ 0.2	**≥ 75.0%**	**m1**	**m2**	**m3**	**α – cut ≥ 0.5**
Teknik Mendengar							
1.	Melatih mahasiswa mendengar alunan bacaan secara sepintas lalu	0.042	100.0	0.867	0.983	1.000	0.950

2.	Membimbing mahasiswa mengenal pasti setiap perbezaan irama pangkal ayat taranum	0.042	100.0	0.867	0.983	1.000	0.950
3.	Membimbing mahasiswa mengenal pasti setiap perbezaan irama hujung ayat taranum	0.042	100.0	0.867	0.983	1.000	0.950
4.	Meminta mahasiswa mendengar alunan berulang kali bagi menguatkan lagi pengecaman taranum	0.042	100.0	0.867	0.983	1.000	0.950
5.	Mendengar bacaan taranum mahasiswa	0.042	100.0	0.867	0.983	1.000	0.950
Teknik Beransur-Ansur							
6.	Melatih mahasiswa menentukan taranum yang ingin dibawakan	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942
7.	Melatih mahasiswa menentukan bilangan alunan dalam sesuatu jenis taranum	0.095	91.7	0.817	0.950	0.992	0.919
8.	Melatih mahasiswa menentukan bilangan ayat dalam sesuatu jenis taranum	0.095	91.7	0.817	0.950	0.992	0.919

9.	Melatih mahasiswa menentukan *tabaqah* suara pada ayat yang ditetapkan	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942
10.	Membimbing mahasiswa menyesuaikan alunan taranum pada jumlah ayat yang ditetapkan	0.095	91.7	0.817	0.950	0.992	0.919
Teknik Pernafasan							
11.	Menunjukkan contoh cara mengambil nafas	0.042	100.0	0.867	0.983	1.000	0.950
12.	Melakukan demonstrasi teknik pengawalan nafas ketika bertaranum	0.042	100.0	0.867	0.983	1.000	0.950
13.	Membimbing mahasiswa menyesuaikan nafas pada nada alunan rendah	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942
14.	Membimbing mahasiswa menyesuaikan nafas pada nada alunan tinggi	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942
15.	Menekankan kesalahan mencuri nafas	0.087	91.7	0.833	0.958	0.992	0.928
Teknik Penyesuaian Suara							
16.	Melatih mahasiswa mengalunkan suara *qarar*	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942

17.	Melatih mahasiswa mengalunkan suara *nawa*	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942
18.	Melatih mahasiswa mengalunkan suara *jawab*	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942
19.	Melatih mahasiswa mengalunkan suara *jawab al-jawab*	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942
20.	Membimbing cara melunak di samping mengeraskan alunan suara	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942
21.	Melatih mahasiswa mempelbagaikan bunga suara	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942
Teknik Alunan Lagu							
22.	Mendemonstrasikan alunan bacaan pada surah pendek	0.042	100.0	0.867	0.983	1.000	0.950
23.	Mendemonstrasikan alunan bacaan pada surah panjang	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942
24.	Melatih mahasiswa meniru alunan yang diperdengarkan	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942
25.	Membimbing mahasiswa melakukan latihan setiap irama pangkal ayat sesuatu jenis taranum	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942
26.	Membimbing mahasiswa	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942

	melakukan latihan setiap irama hujung ayat sesuatu jenis taranum						
27.	Kreatif melatih alunan sesuai dengan kemampuan mahasiswa	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942
Teknik Mengingat							
28.	Menggunakan kata kunci berirama	0.087	91.7	0.833	0.958	0.992	0.928
29.	Memilih surah pendek sebagai panduan asas sesuatu jenis taranum	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942
30.	Memastikan mahasiswa menghafal alunan taranum melalui potongan	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942
Teknik *Basmalah* Berirama							
31.	Menggunakan bacaan *basmalah* berirama sebagai kunci permulaan taranum	0.115	91.7	0.833	0.950	0.975	0.919
32.	Melatih praktikal alunan *basmalah* berirama pada setiap permulaan taranum	0.191	83.3	0.783	0.908	0.950	0.881
33.	Memastikan mahasiswa menghafal alunan	0.191	83.3	0.783	0.908	0.950	0.881

	basmalah setiap taranum						
Teknik Lukisan Graf							
34.	Menggunakan lukisan graf sebagai panduan pengukuhan alunan taranum	0.122	83.3	0.800	0.933	0.983	0.906
35.	Melukis arah pangkal ayat sesuatu jenis taranum	0.122	100.0	0.783	0.925	0.983	0.897
36.	Melukis arah hujung ayat sesuatu jenis taranum	0.122	100.0	0.783	0.925	0.983	0.897
37.	Mempelbagaikan arah lukisan graf sesuai dengan alunan	0.122	83.33	0.800	0.933	0.983	0.906
38.	Membimbing mahasiswa melakukan latihan lukisan graf untuk menghafal alunan taranum	0.122	83.33	0.800	0.933	0.983	0.906
Teknik Perbincangan							
39.	Memberikan mahasiswa ruang menyuarakan pendapat mengenai sesuatu topik	0.042	100.0	0.867	0.983	1.000	0.950
40.	Mendorong mahasiswa supaya membina kesefahaman sesama mereka	0.068	100.0	0.833	0.967	1.000	0.933

41.	Memberikan ulasan secara menyeluruh	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942
42.	Menekankan isu terkini untuk dibincangkan	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942

***Syarat**

1) Nilai Threshold (d) ≤ 0.2

2) Peratus Kesepakatan Pakar ≥ 75.0%

3)Skor *Fuzzy* (A) ≥ nilai α – cut = 0.5

Rajah 4

Aspek Teknik Pengajaran Taranum untuk Institusi Pengajian Tinggi

4.2 Perbincangan Dapatan

Dapatan kajian menghimpunkan kerangka pedagogi pengajaran taranum kepada empat komponen yang saling berkaitan, iaitu strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran. Kerangka ini bukan sekadar menyenaraikan amalan pengajaran, malah menghubungkan perancangan pengajaran dengan demonstrasi, latihan bacaan dan pemberian maklum balas. Hubungan ini

penting kerana penguasaan taranum memerlukan pengetahuan tentang alunan serta keupayaan mengaplikasikannya melalui latihan dan bimbingan yang sistematik. Walau bagaimanapun, dapatan Fuzzy Delphi perlu ditafsirkan berdasarkan tiga kriteria yang ditetapkan, iaitu nilai *threshold* (d) ≤ 0.2, peratus kesepakatan pakar ≥ 75% dan skor fuzzy ≥ 0.5. Oleh itu, item yang melebihi ambang *threshold* tidak boleh dianggap memenuhi semua kriteria hanya kerana kesepakatan pakar dan skor fuzzy mencapai nilai yang ditetapkan. Dapatan ini memberikan asas konseptual kepada pembentukan kerangka, tetapi tidak membuktikan keberkesanannya dalam meningkatkan kemahiran taranum mahasiswa (Salleh et al., 2024; Ramli et al., 2026).

Dari aspek strategi pengajaran, pengelompokan strategi berpusatkan guru, berpusatkan pelajar dan berpusatkan bahan menunjukkan kepentingan mengimbangi kepakaran pensyarah, penglibatan aktif mahasiswa dan penggunaan bahan sokongan. Strategi berpusatkan guru sesuai untuk demonstrasi alunan, pemodelan bacaan dan pembetulan secara langsung. Strategi berpusatkan pelajar pula memberikan ruang kepada latihan, pengulangan dan refleksi kendiri, manakala bahan audio-visual berpotensi menyokong pendengaran semula serta latihan di luar waktu kuliah. Perbincangan ini selari dengan kepentingan variasi strategi pengajaran yang diketengahkan oleh Farah Ilyani Zakaria et al. (2021) serta potensi aplikasi dalam menyokong motivasi dan pembelajaran fleksibel yang dibincangkan oleh Hapini Awang et al. (2022). Walau bagaimanapun, dua item strategi berpusatkan guru mencatatkan nilai *threshold* melebihi 0.2, iaitu "Pensyarah mendominasi keseluruhan aktiviti pengajaran taranum" (d = 0.298) dan "Pensyarah menyampaikan maklumat yang sukar dicapai oleh mahasiswa" (d = 0.218). Keadaan ini menunjukkan bahawa kedua-dua item perlu diteliti dengan lebih berhati-hati dari segi kejelasan pernyataan dan kesesuaiannya dalam konteks pengajaran. Dari sudut pedagogi, demonstrasi dan pembetulan oleh pensyarah tetap diperlukan, tetapi dominasi pensyarah yang berlebihan berpotensi mengehadkan peluang latihan kendiri. Sebaliknya, penyampaian maklumat yang sukar diperoleh mahasiswa boleh memberikan nilai tambah sekiranya disertai penerangan dan bimbingan yang sesuai. Oleh itu, pengajaran taranum perlu mengekalkan peranan pensyarah sebagai pembimbing tanpa mengabaikan penglibatan aktif mahasiswa.

Dari aspek pendekatan, kepelbagaian pendekatan kumpulan, individu, deduktif, induktif, audio-visual dan pengajaran berbalik menunjukkan keperluan

menyesuaikan pengajaran dengan hasil pembelajaran, kandungan dan tahap penguasaan mahasiswa. Pendekatan kumpulan dapat menyokong latihan bersama dan pembelajaran rakan sebaya, manakala pendekatan individu membolehkan bimbingan disesuaikan dengan keperluan bacaan setiap mahasiswa. Pendekatan deduktif membolehkan prinsip diterangkan sebelum diaplikasikan dalam bacaan, sementara pendekatan induktif memberikan peluang kepada mahasiswa mengenal pasti pola alunan melalui contoh. Penggunaan bahan audio-visual dan pengajaran berbalik pula berpotensi memperluas persediaan awal serta membolehkan masa bersemuka dimanfaatkan untuk latihan dan maklum balas. Huraian ini selari dengan perbincangan tentang variasi pendekatan dalam penguasaan taranum (Anuar Hasin et al., 2026) dan kepentingan mengintegrasikan pendekatan tradisional dengan pendekatan kontemporari dalam pendidikan tinggi (Mohammad Zaini et al., 2025). Namun, item "Membimbing mahasiswa yang lemah pada satu-satu masa tertentu" mencatatkan nilai *threshold* d = 0.201, iaitu sedikit melebihi ambang yang ditetapkan. Walaupun perbezaannya kecil, item ini tidak memenuhi kriteria *threshold*secara ketat. Dari segi pelaksanaan, bimbingan individu memerlukan perancangan masa dan peluang latihan yang munasabah supaya mahasiswa dengan tahap penguasaan berbeza tetap mendapat perhatian. Oleh itu, kepelbagaian pendekatan bukan sekadar pilihan kaedah mengajar, tetapi perlu disertai pertimbangan terhadap keperluan pembelajaran dan sumber yang tersedia.

Dari segi kaedah pengajaran, gabungan *al-fahm, talaqqi mushafahah, takrar* dan *tasmi'* menghubungkan pemahaman, demonstrasi bacaan, latihan berulang dan maklum balas. Al-fahm menekankan pemahaman terhadap kandungan pembelajaran, manakala talaqqi mushafahah mengekalkan kepentingan contoh bacaan dan bimbingan secara langsung. Takrar menyediakan ruang untuk pengulangan bagi mengukuhkan penguasaan, sementara tasmi' membolehkan bacaan diperdengarkan untuk disemak dan diperbaiki. Gabungan ini memperlihatkan bahawa pengajaran taranum perlu menyelaraskan penerangan, demonstrasi, latihan dan penilaian bacaan. Pengulangan semata-mata tidak semestinya menjamin penguasaan sekiranya mahasiswa tidak menerima maklum balas yang jelas tentang aspek yang perlu diperbaik. Sementara itu, teknik mendengar, latihan beransur-ansur, pernafasan, alunan lagu, penyesuaian suara, mengingat, lukisan graf, basmalah berirama dan

perbincangan menggambarkan sifat penguasaan taranum yang pelbagai. Teknik mendengar membantu mahasiswa mengenali ciri alunan, manakala latihan beransur-ansur membolehkan kemahiran dipelajari secara bertahap. Teknik pernafasan dan penyesuaian suara berkaitan dengan kawalan vokal, sementara teknik mengingat dan lukisan graf berpotensi membantu pengecaman serta pengukuhan pola alunan. Basmalah berirama dan perbincangan pula boleh digunakan mengikut objektif aktiviti pembelajaran. Pemilihan teknik sewajarnya mengambil kira tahap penguasaan mahasiswa dan kemahiran yang ingin dibina, bukan dilaksanakan secara seragam bagi semua sesi.

Secara konseptual, dapatan ini boleh dikaitkan dengan prinsip pendidikan al-Qabisi, model instruksional Glaser dan penekanan Ibn al-Jazari terhadap ketepatan bacaan. Hubungan tersebut menyediakan asas untuk memahami kepentingan bimbingan, susunan pengajaran dan latihan bacaan yang sistematik. Walau bagaimanapun, kaitan teori ini merupakan sokongan konseptual terhadap kerangka yang dibangunkan, bukannya bukti empirikal bahawa setiap komponen atau teknik berkesan dalam semua konteks. Pensyarah masih perlu membuat pertimbangan profesional ketika memilih dan menggabungkan strategi, pendekatan, kaedah serta teknik berdasarkan hasil pembelajaran dan keperluan mahasiswa. Secara keseluruhan, dapatan kajian menyediakan asas kepada kerangka pedagogi yang boleh membantu pensyarah merancang pengajaran taranum dengan lebih tersusun. Sumbangannya terletak pada penyepaduan empat komponen pedagogi serta penjelasan tentang kepentingan mengimbangi demonstrasi pensyarah, latihan mahasiswa, penggunaan bahan dan maklum balas. Pada masa yang sama, keputusan Fuzzy Delphi perlu dilaporkan secara teliti dengan membezakan item yang memenuhi ketiga-tiga kriteria daripada item yang masih memerlukan penelitian. Kesepakatan pakar menunjukkan tahap persetujuan terhadap item yang dinilai, tetapi tidak membuktikan hubungan sebab-akibat atau peningkatan kemahiran mahasiswa. Oleh itu, kajian lanjutan perlu menguji pelaksanaan kerangka dalam pengajaran sebenar bagi menilai kesesuaian setiap komponen, mengenal pasti kekangan pelaksanaan dan menentukan sumbangannya terhadap penguasaan kemahiran taranum.

5. KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan sebuah kerangka pedagogi pengajaran taranum al-Quran yang sistematik dan kontekstual untuk aplikasi di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) menerusi pendekatan berasaskan kesepakatan pakar. Keperluan terhadap pembangunan model ini didorong oleh realiti cabaran instruksional sedia ada, termasuklah keterbatasan masa interaksi, penawaran kursus yang terhad, kepelbagaian aras keupayaan mahasiswa, serta ketiadaan panduan pedagogi berstruktur yang boleh dirujuk oleh para pensyarah bagi mengoptimumkan keberkesanan pengajaran.

Kajian ini memperluas ufuk perbincangan pedagogi al-Quran melalui integrasi silang (*cross-integration*) yang dinamik antara prinsip klasik Model Pengajaran Quran al-Qabisi (1955), model instruksional moden iaitu Model Pengajaran Asas Glaser (1962), dan epistemologi kemahiran bacaan Ibn al-Jazari bagi membentuk satu acuan kerangka pedagogi khusus taranum di IPT. Manakala dari aspek praktikal, kerangka ini berupaya bertindak sebagai rujukan alternatif yang berstruktur bagi membantu pensyarah merancang, melaksana, dan menilai proses pengajaran secara lebih objektif. Malah, kerangka yang disahkan ini juga berpotensi dijadikan instrumen fundamental dalam penggubalan modul pengajaran, penambahbaikan kurikulum fakulti serta pengisian agenda latihan profesionalisme pensyarah taranum.

Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa batasan yang perlu diberikan perhatian. Penilaian terhadap kerangka yang dibangunkan hanya melibatkan pengesahan kandungan dan kebolehgunaan secara dalaman melalui pandangan pakar. Oleh itu, kajian lanjutan dicadangkan untuk menguji keberkesanan kerangka ini secara empirikal melalui reka bentuk eksperimen atau kajian longitudinal bagi melihat kesannya terhadap peningkatan penguasaan mahasiswa dalam kemahiran taranum al-Quran. Selain itu, pembangunan modul digital atau berbantukan teknologi berasaskan kerangka ini juga wajar diterokai bagi memperluaskan akses pembelajaran taranum dalam persekitaran pendidikan masa kini. Sebagai tuntasnya, kerangka pedagogi pengajaran taranum yang dihasilkan menerusi kajian ini merupakan satu anjakan penting dalam memperkemas struktur penyampaian pendidikan al-Quran di peringkat pengajian tinggi. Kerangka ini bukan sahaja menyediakan panduan operasi yang sistematik kepada para pendidik, malah menjadi satu usaha strategik bagi

menjamin kelangsungan ilmu taranum sebagai sebahagian daripada warisan seni Islam yang mengekalkan keseimbangan antara kecemerlangan praktikal, kedalaman spiritual, dan pembentukan insan yang *syumul*.

Penghargaan: Ucapan penghargaan dan terima kasih ditujukan buat Bantuan Khas Penyelidikan Universiti Malaya BKP043-2024-ECRG di bawah Universiti Malaya. Penggunaan ChatGPT (OpenAI) sebagai alat bantuan bahasa bagi menterjemahkan abstrak daripada Bahasa Melayu ke Bahasa Inggeris serta memperkemas struktur rajah, ayat dan gaya penulisan akademik. Semua kandungan ilmiah, idea, analisis, tafsiran, dapatan kajian dan kesimpulan adalah hasil kerja asal penulis.

Konflik Kepentingan: Penulis mengaku tiada konflik kepentingan di antara semua pihak yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kajian ini.

RUJUKAN

Abd Mubi, Z., Hussin, H., & Mohamad, S. (2024). A Literature Highlight on Teachers Competency Level in Teaching Special Class on Quranic Recitation and Memorization Skills (KKQ). *Jurnal Pendidikan Agama Islam*, *21*(2), 346-363.

Abdul Hamid, U. H., & Alias, B. S. (2023). Perancangan Pendidikan di Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia. *Jurnal Dunia Pendidikan*, *5*(2), 39-46.

Abdullah, M. C., Roslan, S., & Sulaiman, T. (2011). Strategi pengajaran pembelajaran di institusi pengajian tinggi: Satu anjakan paradigma. *Malaysian Education Dean Council Journal*.

Abdullah, T. M. A. Y., Arsalan, S., Ramadhani, R. F., Basyri, L. Z., Murtadha, M. H., & Alharitsi, N. A. (2025). Penerapan Metode Talaqqi Pada Siswa Tingkat Sekolah Dasar. *Zad Al-Ummah: Jurnal Pengabdian Masyarakat*, *3*(1), 24–31.

Adler, M., & Ziglio. E. (1996). *Gazing into the oracle: The Delphi Method and its application to social policy and public health*. London: Jessica Kingsley Publishers Agrotrend Sdn. Bhd.

Ahmad Khalid. (1986). *Ar-Risalah al-mufassolah li ahwal al-mu'allimin wa ahkam almu'allimin wal muta'allimin.* Tunisia: As-Sharikat al-Tunisiyah al-Tauzi'.

Ahmad, S. F., & Tamuri, A. H. (2010). Persepsi guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi multimedia dalam pengajaran j-QAF. *Journal of Islamic and Arabic Education*, *2*(2), 53-64.

Al-'Asqalani, Ahmad 'Ali Ibn Hajar. (1993). *Fath al-bari syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Ahwani, Ahmad Fuad. (1955). *At-tarbiyyah fil Islam aw ta'alim fi ra'yil Qabisi. Kaherah:* Dar Ehya' al Kutub al Arabiyyah.

Al-Fattani, Muhammad Saleh Zainal Abidin. (1938M). *Siraj al-Qari: Pada bicara hukum tajwid kalam Allah al-Bari*. Maktabah wa Matba'ah Dar al-Maarif: Pulau Pinang.

Al-Na'miy, Abdullah Al-Amin. (1994). *Kaedah dan teknik pengajaran menurut Ibn Khaldun dan al-Qabisi*. (Mohd Ramzi Omar, Penterjemah). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Al-Qabbani, Muhamad 'Arabi. (1998). *Jami' al-nafahat al-qudsiyyah*. Damsyiq: Dar al-Khair.

Amelia, A. (2026). Teachers' strategies in implementing qur'anic tartil to improve students' qur'an reading skills in madrasah tsanawiyah. *Al Qodiri: Jurnal Pendidikan, Sosial dan Keagamaan*, *24*(1), 210-220.

Ariffin, A. J. C., Abdullah, S., & Razali, A. S. M. (2026). Analisis penguasaan ilmu tarannum dalam kalangan pelajar diploma tahfiz al-quran, KIAS: Analysis of tarannum knowledge mastery among diploma tahfiz al-quran students at KIAS. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, *10*(1), 232-244.

Ariffin, A. J. C., Mujahid, N. F., Kamaruzaman, A. R., & Ismail, A. S. (2025). Penguasaan Tarannum dalam Hafazan al-Quran di Kalangan Pelajar Tahfiz: Analisis Faktor Dalaman Dan Luaran: Mastery of Qur'anic Tarannum in Qur'an Memorization among Tahfiz Students: An Analysis of Internal and External Factors. *FURQANICA: Journal of Usuluddin and Al-Quran & Sunnah (JUQS)*, *1*(1), 41-54.

Ashraf Ismail, Ab. Halim Tamuri & Nurul Hudaa Hassan. (2019). Pelaksanaan amalan *talaqqi* dan *mushafahah* dalam kalangan pensyarah tahfiz al-Quran di Malaysia. *Islamiyyat 41*(1), *93 – 98.*

Awang, H., Zakaria, M. Z., Al-Mashhadani, A. F. S., Mustapha, R., Mohd Yaakob, M. F., Mohamed Yusof, A., & Kasim, M. (2022). Tarannum Smart Learning Application: Embracing the beauty of tarranum through multimedia technology. *International Journal of Evaluation and Research in Education*.

Ayu Syahyuni Kamarul Zaini, Hayati Hussin & Zainora Daud. (2025). Tinjauan Literatur Bersistematik: Faktor-Faktor yang mempengaruhi Pencapaian Akademik pelajar Institusi Pengajian Tinggi. *PENDETA*, *16*(2), 61-69.

Azmil Hashim. (2010). *Penilaian pelaksanaan kurikulum tahfiz al-Quran di Darul Quran Jakim dan Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri (MTQN).* (Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Bael, B. T., Nachiappan, S., & Pungut, M. (2021). Analisis kesediaan guru dalam pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran, pengajaran dan pemudahcaraan abad ke 21: Analysis of Teachers Readiness in Implementing Higher Order Thinking Skills in Learning, Teaching and Facilitation in 21st. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 100-119.

Basir, A., Tamjidnor, T., Suraijiah, S., Karoso, S., Saidi, S., & Sholihah, M. (2024). Enhancing Qur'an reading proficiency in madrasahs through teaching strategies. *Nazhruna: Jurnal Pendidikan Islam*, *7*(2), 373-389.

Fakhruddin, F. M., Ishak, S. C., Suhid, A., Ayub, A. F. M., Hassan, N. C., Abd Mutalib, L., & Jaafar, W. M. W. (2020). Proses Dan Kaedah Pembelajaran Tahfiz dalam Kalangan Murid di Sekolah Menengah Agama Kerajaan di Malaysia (Process and Method of Tahfiz Learning Among Students in Malaysian Government Religious Secondary Schools). *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, *17*(2), 311-340.

Fakrijal, F. (2025). Konstruktivisme dalam Pendidikan Agama Islam Tinjauan Filosofis terhadap Pembelajaran Aktif. *NIHAYAH: Journal of Islamic Studies*, *1*(1), 34-54.

Farah Ilyani Zakaria, Noh, M. A. C., Razak, K. A., & Zulkifli, H. (2021). Evaluation of tarannum al-quran teaching in malaysian national

religious secondary school. *Al-Hayat: Journal of Islamic Education*, *5*(1), 40-54.

Fatihah Osman, S. (2023). Faktor Bahan Bantu Mengajar yang Menyokong Pengamalan Pemikiran Kritis Guru Pendidikan Islam dalam Meningkatkan Kemahiran Pembelajaran Abad Ke-21: Factors in Teaching Aids that Support Islamic Education Teachers' Critical Thinking Practice in Improving 21st Century Learning Skills. *Sains Insani*, *8*(1), 51-57.

Glaser, R. (1962). *Training research and education*. Pittsburg: University of Pittsburg.

Hanum, H. M., Aziz, A. S., Bakar, Z. A., Diah, N. M., Ahmad, W. F. W., & Ali, N. M. (2021, June). Melody training for quranic tarannum. In *2021 Fifth International Conference on Information Retrieval and Knowledge Management (CAMP)*(pp. 96-101). IEEE.

Haris, S. (2018). *Pengajian Taranum Al-Quran di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPG): Kajian Aplikasi Kaedah Pengajaran Qari di Malaysia* (Doctoral dissertation, University of Malaya (Malaysia)).

Hartati Maskur, Roshila Abdul Mutalib & Norazlina Abdullah. (2020). Hubungan sikap pelajar dan pengajaran pensyarah terhadap pencapaian kursus pengaturcaraan di kalangan pelajar Politeknik. *Proceeding International Multidisciplinary Conference*, 273-279.

Hasin, A., Alias, N., & Daud, Z. (2026). Kaedah Pembelajaran Tarannum di Malaysia: Analisis Terhadap Isu dan Cabarannya: Tarannum Learning Methods in Malaysia: An Analysis of Issues and Challenges. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, *10*, 44-60.

Iksan, Z., Ariffin, R. A. M., & Imam, S. S. J. S. (2021). Membina pembangunan insan melalui kolaboratif guru dalam komuniti pembelajaran profesional: Building human development through teacher collaboratives in the professional learning community. *Sains Insani*, *6*(1), 105-112.

Japilan, N. H. A., Muhammad, N., & Saili, J. (2024). Dimensi Pengalaman Mengajar dan Pengetahuan Pedagogi Kandungan dalam Pengajaran Tilawah Al-Quran: Sebuah Analisis Korelasi: Dimensions of Teaching Experience and Pedagogical Content Knowledge in

Teaching of Tilawah Al-Quran: A Correlation Analysis. *Journal of Islamic Educational Research*, *10*(1), 70-83.

Kamal, N. M. M., Hussin, Z., & Sulaiman, A. M. (2022). Elemen Kolaborasi Dalam Pengajaran Guru Pendidikan Islam Melalui Pendekatan Heutagogi. *Jurnal Dunia Pendidikan*, *4*(1), 372-386.

Kamaruddin, W. A. Z. W., Kadir, F. K. A., & Mat, A. C. (2021). Amalan Terbaik Pengajaran dan Pembelajaran Hafazan al-Quran dalam Program Ulul Albab Imtiaz [Teaching and Learning the Best Practices of Quranic Memorisation at Imtiaz Through Ulul Albab Program]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, *4*(1), 105-126.

Libau, C. M., & Ling, Y. L. (2020, October). Peranan bahan bantu mengajar dan persekitaran maklum balas dalam meningkatkan kualiti pembelajaran pelajar. In *Kertas kerja. National Research Innovation Conference (NRICon 2020)* (pp. 20-21).

Lim, G. F., Abdul Jalil, N., Awang Hidup, D. S., & Omar, M. (2024). Pengintegrasian teknologi dalam pendidikan: Cabaran guru. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics (IJMAL)*, *8*(1), 49-67.

Mazhair Shahroz Muhasip. (2014). *Penilaian pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran tarannum al-Quran di Kuala Lumpur dan Selangor.* (Disertasi Sarjana tidak diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim.

Missiyah, M. (2025). *Pengaruh Penggunaan Media Visual Dalam Pembelajaran Akuntansi Terhadap Motivasi Belajar Dan Pemahaman Mahasiswa Politeknik Negeri Bengkalis* (Doctoral dissertation, Politeknik Negeri Bengkalis).

Mohamad Alwi Ab Rahman, Mohd Sholeh Sheh Yusuff, Ali Omar Salem Balagem, Sumaiyah Ramli & Yusuf Othman. (2021). Metodologi Dato' Ismail Bin Hashim dalam pengajaran tarannum al-Quran di Malaysia. *International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(1), 101-106.

Muhammad Adam Choo Rahmat Choo & Abdul Rahman Abdul Ghani. (2026). Tahap Penguasaan Ilmu Tarannum dalam Kalangan Pelajar Diploma Tahfizal-Quran Darul Quran Jakim. In *E-Prosiding Seminar*

Penyelidikan Pendidikan Tahfiz Al-Quran 2026 (SEPTA 2026) (p. 109).

Muhammad Lukman Ibrahim. (2009). *Tarannum al-Quran melalui tariq al-Syatibi: kajian terhadap pengamalannya dalam kalangan qari-qari Kelantan ke Majlis Tilawah al- Quran peringkat kebangsaan Malaysia antara tahun 1990-2005*. (Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan). Universiti

Muhammad, Muḥammad Muḥammad 'Ali Yusuf al-Jazari. (1994). *Tayyibat al-Nashr fi al- Qiraat al-'Ashr*. Jeddah: Dar al-Ḥuda.

Murray, T.J., Pipino, L.L., & Gigch, J.P. (1985). A pilot study of fuzzy set modification of delphi. *Human System Management*, *5(*1), 6-80.

Nahar, N., Safar, J. A., Hehsan, A., & Talhah, M. (2021). Active Learning Through Student- Centered Activity in the Instruction of Islamic Education Teachers as An Implementation of the 21st Century Learning: A Case Study. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, *11*(11), 936-950.

Najah, A. T. S. (2024). Evaluasi Program Kelas Tahfizh Al-Qur'an dengan Model CIPP di Pondok Pesantren Tahfidz Muhammadiyah Al Fattah Malang. *Jurnal Evaluasi Pendidikan*, *15*(2), 51–62.

Nik Jaafar Nik Ismail. (1998). *Qawa'id al-tarannum*. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr. Malaya, Kuala Lumpur.

Paharudin Arbain. (2015). *Eksplorasi pelaksanaan pengajaran tilawah al-Quran program J-Qaf dan hubungannya dengan pencapaian murid.* (Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim.

Ramli, M. S., Mohd Din, K. F., Sahad, M. N. (2025). A Systematic Review of the Practice and Impact of Tarannum in Quranic Recitation. *International Journal of Education, Psychology and Counseling, 10* (59), 1168-1184.

Ramli, M. S., Sahad, M. N., Mohd Din, K. F., & Abu, A. T. (2026). Tarannum Pedagogy: A Chronological Review from Classical Traditions To Digital Innovation. *International Journal of Modern Education (IJMOE)*, *8*(30), 21–43.

Saedah Siraj, Muhammad Ridhuan, Tony Lim Abdullah & Rozaini Muhammad Rozkee. (2020). *Pendekatan penyeledikan rekabentuk dan pembangunan:*

aplikasi kepada penyeledikan pendidikan. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Saidin, N. F., Bukhari, N. A. M., & Yue, W. S. (2023). Penggunaan teknologi multimedia terhadap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam sistem pendidikan di Malaysia. *Journal of Issue in Education*, *46*, 44-57.

Salleh, M. N. M., Rekan, A. A., & Rizal, M. S. S. (2024). Reka Bentuk Modul Inovasi Pengajaran Taranum Bayyātī Berbantukan Audio-Visual Alunan Mudah dan Ilustrasi Arah. *Al-Bayan: Journal of Qur'an and Hadith Studies*, *22*(1), 108-137.

Sidek, S., & Hashim, M. (2016). Pengajaran Berasaskan Video dalam Pembelajaran Berpusatkan Pelajar: Analisis dan Kajian Kritikal: Video-Based Teaching in Student- Centered Learning: Analysis and Critical Review. *Journal of ICT in Education*, *3*, 24- 33.

Suriansyah, M. A. (2020). Implementasi metode talaqqi dan musyafahah dalam meningkatkan kemampuan membaca Al-Qur'an siswa di SD Swasta Salsa. *Fitrah: Journal of Islamic Education*, *1*(2), 216-231.

Syafee, M. S. S., Ab Latif, K. A., Ismail, M. R., & Yahaya, M. (2024). Keperluan Model Pengajaran Ilmu Tawjih al-Qiraat di Institusi Pengajian Qiraat Malaysia: Satu Sorotan Awal Qiraat*: Jurnal Al-Quran dan isu-isu kontemporari*, *7*(1), 19-37.

Tandiongan, R., Ewil Dae, S. S., & Sarni, S. (2025). Hubungan antara gaya belajar dan hasil belajar mahasiswa. *Jurnal Pendidikan dan Keguruan*, *3*(5), 415-424.

Termizi, M. D. A., Ajmain, M. T., Ansar, A. M. H., & Muiz, M. L. W. A. (2022). [Memorization Session During Covid-19 Pandemic: Challenges and Solutions for Private Tahfiz Institutions] Sesi Hafazan Sewaktu Pandemik Covid-19: Cabaran dan Solusi Kepada Institusi Tahfiz Swasta. *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization*, *1*(1), 116-127.

Tjorven, S., Nora, M., Jost, S., Mathilde, G., & Kristina, F. (2026). The role of digital teaching methods in supporting practical skills training in the academic training of health professions – a scoping review. *BMC Medical Education, 26*.

Yani, A., Ahmad, S. S. B. H., Abdullah, R. B., Shalihah, S., & Thoha, A. M. (2026). Analisis Keberkesanan Kompetensi Pedagogi Pensyarah Dalam Meningkatkan Kecekapan Komunikatif Bahasa Arab: Kajian di Fakulti Usuluddin, UNISSA. *IJUS| International Journal of Umranic Studies*, *9*(1), 1-11.

Zainadun, N., Salleh, M. N. M., Jamil, A. I., Rekan, A. A., & Ajmain, M. T. (2025). Exploring the potential of artificial intelligence in enhancing Quranic teachers' pedagogy: A systematic literature review. *QURANICA-International Journal of Quranic Research*, *17*(2), 501-541.

Zakaria, S. K., & Daud, M. N. (2021). Penjanaan kemahiran insaniah melalui gaya pembelajaran dan kecerdasan pelbagai. *Jurnal Dunia Pendidikan*, *3*(4), 65-76.

Zulkifli, M. H., & Ramli, I., Habibah @ Artinie Ramli. (2025). Perbezaan Keberkesanan Kaedah PAK-21 dan Tradisional dalam Pengajaran Guru Pendidikan Islam: A Comparison of The Effectiveness of 21st Century Learning (PAK-21) and Traditional Methods in Islamic Education. *Quantum Journal of Social Sciences and Humanities*, *6*(5), 203-214.